



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau penyebutharga yang berdaftar dengan **Negeri Terengganu Sahaja (Bumiputera)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** (Penyewaan Dan Pengurusan Ruang Niaga) Kod **221506** dan tajuk masih sah serta dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja perkhidmatan berikut :-

1	MBKT SH124/2025	Perkhidmatan Pengurusan Bazar Ramadan Di Tempat Letak Kereta Shahbandar (TLK) Hadapan Skrin Besar, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2026@ 1447H.	Taklimat : 28 Oktober 2025 (Selasa) * DIWAJIBKAN Jam : 10.00 pagi Tempat : Tingkat 6, (Bilik Mesyuarat Cempaka) Menara MBKT. • Hanya penama yang tercatat pada Sijil KKM sahaja dibenarkan hadir dan daftar kehadiran.
2	MBKT SH125/2025	Perkhidmatan Pengurusan Bazar Ramadan Di Tempat Letak Kereta Shahbandar (TLK) Hadapan Restoran Perahu/ Mara Kuala Terengganu Bagi Tahun 2026@ 1447H.	
3	MBKT SH127/2025	Perkhidmatan Pengurusan Karnival Jualan Ramadan Di Stesen Teksi Tanjung, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2026@ 1447H.	

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Kaunter Setempat Tingkat Bawah Menara MBKT**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 20/= senaskah (Tunai, Bank Draf atau Atas Talian (Online) sahaja)**. Untuk maksud ini Penyebut harga hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Perkhidmatan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU.

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH 124/2025 ”** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan , Tingkat 18, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **6 November 2025 (Khamis)**.

3. **Taklimat** adalah **diwajibkan** sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Penyebut harga dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Hanya penama-penama yang tercatat pada Sijil Pendaftaran Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan untuk hadir dan daftar kehadiran. Penyebut harga atau syarikat yang tidak hadir pada sesi taklimat tidak layak mendapatkan atau membeli dokumen sebutharga ini.
4. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali ataupun mana-mana tawaran.
5. Sebutharga ini akan dijual mulai **29 Oktober 2025 (Rabu) hingga 5 November 2025 (Rabu)** pada waktu pejabat sahaja.
6. Syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujui atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen penyebutharga atau syarikat akan disyorkan untuk disenarai hitamkan kepada pihak berwajib.

t.t

(DATO' JUSMAN BIN IBRAHIM)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.